

Penghayatan resam komuniti ilmuwan rangsang inovasi

OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE

NST 15.9.2017 2
KOTA KINABALU: Penghayatan dalam menimba ilmu pengetahuan terutamanya dalam aliran sains dan teknologi mampu merangsang kreativiti dan menjana inovasi.

Interaksi masyarakat kini bukan hanya tertumpu dalam pengajian kemanusiaan bagi memahami makna resam dalam komuniti, bahkan pengajian bidang sains juga merupakan langkah dalam membentuk ilmuwan yang menghayati resam.

Menurut Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Dr. Rasid Mail berkata ilmu yang digarap dalam apa jua bidang adalah bertujuan bagi menonjolkan nilai kecemerlangan

dan kemampuan.

“Bidang yang diceburi kelak adalah cerminan kepada nilai kecemerlangan dari segi personaliti dan kemampuan berinteraksi dengan masyarakat.

“Saya percaya kejayaan yang diperoleh dalam bidang akademik merupakan manfaat yang boleh dirasakan oleh masyarakat sekeliling untuk kelestarian hidup,” katanya ketika berucap merasmikan Majlis Graduasi Asasi Sains (MGAS) kali ke-7 sesi 2016/2017 di Dewan Resital UMS kelmarin.

Jelasnya lagi, pihak UMS turut berusaha untuk menambah bilangan pelajar dalam bidang sains dan teknologi sebanyak 60 peratus daripada kuota kemasukan pelajar.

“Saya percaya melalui penambahan graduan jurusan sains dan teknologi setiap tahun, aspirasi untuk menjadi

sebuah negara maju melalui penekanan masyarakat berliterasi dan membudayakan sains dalam kehidupan mampu dicapai,” katanya lagi.

Sementara itu, Pengarah Pusat Persediaan Sains dan Teknologi (PPST), Prof. Madya Dr. Sazmal Effendi Arshad berkata PPST juga sentiasa komited dalam meningkatkan angka lebih tinggi dalam menyediakan pelajar untuk mengikuti pengajian dalam jurusan sains dan teknologi.

“Cabaran global hari ini memberi cabaran dan bidang sains teknologi harus relevan dengan keperluan dan aspirasi setiap negara maka sains perlu diburu dengan menetapkan matlamat kerana ilmu ini penting dalam memacu ekonomi setiap negara,” tegasnya.

Sebanyak 249 pelajar telah dianugerahkan Sijil Asasi



SIJIL ... Prof. Rasid Mail menyampaikan sijil kepada pelajar.



DARI kiri, Razlan, Don Harris, Diana dan Owena

Sains dan empat anugerah khas diberikan iaitu Anugerah Naib Canselor, Razlan Muhd Yunus,

Anugerah Pengarah, Don Harris Sundang, Anugerah Pelajar Harapan, Dania Haziqah Rah-

man dan Anugerah Pelajar Berdedikasi dan Berkepimpinan, Owena Juada.